

KAJIAN MOTIVASI EKSTRINSIK DI ANTARA PELAJAR LEPASAN SIJIL
DAN DIPLOMA POLITEKNIK JABATAN KEJURUTERAAN AWAM
KUTTHO

MAHYA BINTI MOHEMD TARIP / MOHAMED TARIKH

KOLEJ UNIVERSITI TEKNOLOGI TUN HUSSEIN ONN

70303

PERPUSTAKAAN KUI TTHO

3 0000 00119474 9



PTTA UTHM
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

INSTITUT UNIVERSITI TEKNOLOGI TUN HUSSEIN ONN
UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

BORANG PENGESAHAN STATUS TESIS ♦

JUDUL : KAJIAN MOTIVASI EKSTRINSIK DI ANTARA PELAJAR LEPASAN SIJIL DAN
DIPLOMA POLITEKNIK JABATAN KEJURUTERAAN AWAM KUITTHO

SESI PENGAJIAN : 2001 / 2002

Saya MAHYA MOHEMD TARIP @ MOHAMED TARIKH (751129-03-5886)
(HURUF BESAR)

mengaku membenarkan tesis (PSM/Sarjana/Doktor Falsafah) ini disimpan di Perpustakaan Institut Teknologi Tun Hussein Onn, Universiti Teknologi Malaysia dengan syarat-syarat seperti berikut :

1. Tesis adalah hakmilik Institut Teknologi Tun Hussein Onn, Universiti Teknologi Malaysia.
2. Perpustakaan Institut Teknologi Tun Hussein Onn, Universiti Teknologi Malaysia dibenarkan membuat salinan untuk tujuan pengajian sahaja.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan tesis ini sebagai bahan pertukaran di antara institusi pengajian tinggi.
4. ** Sila tandakan ()

SULIT

(Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub di dalam AKTA RAHSIA RASMI 1972)

TERHAD


(Mengandungi maklumat TERHAD yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan dijalankan)

TIDAK TERHAD

Disahkan oleh:



(TANDATANGAN PENULIS)



(TANDATANGAN PENYELIA)

Alamat Tetap : PT 480 TAMAN TANJONG CHAT

15300 KOTA BHARU

KELANTAN DARUL NAIM

EN. KAMARUDIN KHALID

(Nama Penyelia)

Tarikh : 27.09.2001

Tarikh : 27/9/2001

CATATAN:

- * Potong yang tidak berkenaan.
- ** Jika tesis ini SULIT atau TERHAD, sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa/organisasi berkenaan dengan menyatakan sekali sebab dan tempoh tesis ini perlu dikelaskan sebagai SULIT atau TERHAD.
- ♦ Tesis dimaksudkan sebagai tesis bagi Ijazah Doktor Falsafah dan Sarjana secara penyelidikan atau disertai bagi pengajian secara kerja kursus dan penyelidikan, atau Laporan Projek Sarjana Muda (PSM).

“Saya/Kami* akui bahawa saya telah membaca karya ini dan pada pandangan saya/kami* karya ini adalah memadai dari segi skop dan kualiti untuk tujuan penganugerahan ijazah Sarjana Pendidikan (Teknikal)”.

Tandatangan : 
Nama Penyelia I : EN. KAMARUDIN KHALID
Tarikh : 27/9/2001

Tandatangan :
Nama Penyelia II :
Tarikh :

Tandatangan :
Nama Penyelia III :
Tarikh :

* Potong yang tidak berkenaan.



PTTA UTeM
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

**KAJIAN MOTIVASI EKSTRINSIK DI ANTARA PELAJAR LEPASAN SIJIL
DAN DIPLOMA POLITEKNIK JABATAN KEJURUTERAAN AWAM
KUITTHO**

MAHYA BINTI MOHEMD TARIP @ MOHAMED TARIKH

Tesis ini dikemukakan
sebagai memenuhi syarat penganugerahan
ijazah Sarjana Pendidikan (Teknikal)

Jabatan Pendidikan Kemanusiaan
Institut Teknologi Tun Hussein Onn

SEPTEMBER, 2001

PTT ALGORITHM
PERPUSTAKAAN TUN TUN AMINAH



“Saya akui karya ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan dan ringkasan yang tiap-tiap satunya telah saya jelaskan sumbernya”.

Tandatangan : 

Nama Penulis :

MAHYA BINTI MOHEMD TARIP @

MOHAMED TARIKH

Tarikh :

27.09.01



PTTA UTM
PERPUSTAKAAN TUN AMINAH

Untuk Ayahanda, Mohemd Tarip Abdullah Dan Bonda, Hanisah Abdullah
Serta Adinda, Afifa Dan Fariha Tersayang



PTTA UTHM
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

PENGHARGAAN

Dengan nama Allah Yang Maha Pemurah lagi Maha Mengasihani. Segala puji-pujian bagi-Nya Yang Maha Agung Tuhan yang menguasai sekalian alam.

Alhamdulillah dengan berkat dan izin-Nya, saya berjaya menyiapkan tesis ini dengan sempurna. Saya juga ingin merakamkan penghargaan ikhlas kepada penyelia tesis, Encik Kamarudin Khalid dan Tn. Haji Ali Suradin atas bimbingan dan dorongan yang diberi sepanjang tempoh kajian tesis ini. Terima kasih atas segala nasihat, pengajaran dan teguran beliau bagi menjayakan kajian ini.

Kerjasama daripada pensyarah yang mengajar serta rakan-rakan yang tidak disebutkan disini amatlah dihargai kerana memberi kerjasama sepenuhnya dalam kajian saya ini. Penghargaan ini diucapkan kepada sesiapa yang terlibat sama ada secara langsung atau tidak dalam membantu menjayakan kajian ini.

Saya berharap semoga jasa yang kalian berikan itu hanya Allah S.W.T sahaja yang dapat membalasnya. Terima kasih, sekian. Wassalam.

MAHYA BT MOHEMD TARIP @ MOHAMED TARIKH

ABSTRAK

Kajian ini dijalankan untuk menyelidiki pengaruh dorongan keluarga, cara pengajaran pensyarah, pengaruh rakan sebaya dan kemudahan infrastruktur terhadap motivasi ekstrinsik bagi pelajar tahun tiga dan tahun empat lepasan sijil dan diploma politeknik Jabatan Kejuruteraan Awam Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn. Sampel kajian ini berjumlah 87 orang bagi pelajar lepasan sijil politeknik dan 38 orang bagi lepasan diploma politeknik. Data kajian telah diperolehi melalui borang soal selidik dan telah dianalisis menggunakan perisian SPSS (Statistical Package For Sciences). Hasil kajian telah dipersembahkan dalam bentuk jadual dan histohgram. Analisis kajian mendapati bahawa kedua-dua kumpulan setuju bahawa faktor-faktor di atas memberi kesan kepada motivasi ekstrinsik mereka. Dengan kata lain faktor-faktor tersebut penting dalam membentuk pelajar mencapai kecemerlangan akademik.



PERPUSTAKAAN TUN HUSSEIN ONN
AMINAH

ABSTRACT

The purpose of the study is to investigate the influence of parents actuation, way of lecturer skill, influence of friends and infrastructure facility toward ekstrinsik motivation of students third and fourth years graduate certificate and diploma politeknik Sivill Engineering Department in Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn. The sample of the study amounting 87 students graduate of certificate and 38 students graduate of diploma. The study data were collected through forms and analysed by using the SPSS (Statistical Package For Sciences) software. Results of analyses were presented in the forms of tables and histogram graph. The findings of the both group agreed that the influence factor of ekstrinsik motivation gave a great impact to them. In other words, the influence of ekstrinsik motivation was important in helping students to obtain an excellent academic results.



PERPUSTAKAAN TINGKATAN AMINAH

KANDUNGAN**BAB PERKARA MUKA SURAT**

Halaman Judul	
Halaman Pengakuan	ii
Halaman Dedikasi	iii
Halaman Penghargaan	iv
Abstrak	v
Abstract	vi
Halaman Kandungan	vii
Halaman Senarai Jadual	xi
Halaman Senarai Rajah	xiii
Halaman Senarai Lampiran	xv

BAB 1 PENGENALAN

1.1	PENDAHULUAN	1
1.2	LATAR BELAKANG MASALAH	3
1.2.1	Syarat Kemasukan Jabatan Kejuruteraan Awam KUiTTHO	4

1.2.2	Sebab – Sebab Masalah Timbul	4
1.2.3	Sebab – Sebab Kajian Dibuat	4
1.3	PENYATAAN MASALAH	5
1.4	OBJEKTIF KAJIAN	5
1.5	PERSOALAN KAJIAN	6
1.6	SKOP KAJIAN	7
1.7	DEFINISI ISTILAH	8

BAB II SOROTAN PENULISAN

2.1	PENDAHULUAN	10
2.2	TEORI MOTIVASI	11
2.2.1	Teori Pembelajaran Sosial	11
2.2.2	Teori Pelaziman Operan	12
2.2.3	Teori Pelaziman Klasik	13
2.2.4	Teori Motivasi Pencapaian	15
2.3	MOTIVASI EKSTRINSIK	16
2.3.1	Keluarga	16
2.3.2	Pensyarah	17
2.3.3	Rakan Sebaya	18
2.3.4	Persekitaran	18

BAB III METODOLOGI KAJIAN

3.1	PENDAHULUAN	20
-----	-------------	----

3.2	SAMPEL KAJIAN	20
3.3.	INSTRUMEN	21
3.4	PENGUMPULAN DAN PENGELOLAAN DATA	22
3.5	KAEDAH PENYELIDIKAN	23
3.6	KAEDAH PENGANALISISAN	23

BAB IV ANALISIS DATA

4.1	PENDAHULUAN	24
4.2	ANALISIS SOAL SELIDIK	29
	4.2.1 Biodata Responden Kajian	29
	4.2.2 Biodata Ibu Bapa Responden Kajian	39
4.3	ANALISIS SETIAP ITEM SOAL SELIDIK	47
4.4	ANALISIS SOAL SELIDIK KAJIAN	53
	MENGIKUT KELAYAKAN AKADEMIK	
	RESPONDEN	
	4.4.1 Pengaruh Dorongan Keluarga	54
	4.4.2 Cara Pengajaran Pensyarah	55
	4.4.3 Pengaruh Rakan Sebaya	56
	4.4.4 Kemudahan Infrastruktur	57

BAB VI KESIMPULAN DAN CADANGAN

5.1	PENDAHULUAN	58
5.2	RINGKASAN	59

5.3	KESIMPULAN	60
5.4	RUMUSAN	60
5.5	PENUTUP	62
5.5.1	Cadangan Untuk Meningkatkan Motivasi Ekstrinsik	62
5.5.1.1	Pelajar	62
5.5.1.2	Keluarga	63
5.5.1.3	Pensyarah	63
5.5.1.4	Rakan Sebaya	63
5.5.1.5	Kemudahan Infrastruktur	64
5.6	KAJIAN LANJUTAN	65

BIBLIOGRAFI

66

LAMPIRAN

68



SENARAI JADUAL

NO JADUAL	TAJUK	MUKA SURAT
1.1	Jumlah Pelajar Jabatan Kejuruteraan Awam	7
2.1	Pilihan Jawapan Responden	21
4.1	Tahun Pengajian Responden Kajian Mengikut Kelayakan Akademik	29
4.2	Umur Responden Mengikut Kelayakan Akademik	31
4.3	Jantina Responden Mengikut Kelayakan Akademik	32
4.4	Bangsa Responden Mengikut Kelayakan Akademik	33
4.5	Bilangan Adik Beradik Responden Mengikut Kelayakan Akademik	35
4.6	Tempat Tinggal Responden Mengikut Kelayakan Akademik	36



PTTA UTHM
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

4.7	Kedudukan Responden Mengikut Kelayakan Akademik	37
4.8	Pendidikan Ibu Responden Mengikut Kelayakan Akademik	39
4.9	Pendidikan Bapa Responden Mengikut Kelayakan Akademik	41
4.10	Sektor Pekerjaan Ibu Responden Mengikut Kelayakan Akademi	43
4.11	Sektor Pekerjaan Bapa Responden Mengikut Kelayakan Akademik	44
4.12	Pendapatan Bulanan Ibu Bapa Responden Mengikut Kelayakan Akademik	45
4.13	Jumlah Frekuensi Dan Peratus Bagi Keseluruhan Data	48
4.14	Jumlah Peratus Bagi Dorongan Keluarga	54
4.15	Jumlah Peratus Bagi Cara Pengajaran Pensyarah	55
4.16	Jumlah Peratus Bagi Pengaruh Rakan Sebaya	56
4.17	Jumlah Peratus Bagi Kemudahan Infrastruktur	57



SENARAI RAJAH

NO RAJAH	TAJUK	MUKA SURAT
4.1	Graf Jumlah Bilangan Responden Mengikut	30
4.2	Graf Jumlah Bilangan Umur Responden	31
4.3	Graf Jumlah Bilangan Jantina	32
4.4	Graf Jumlah Bilangan Bangsa Responden	34
4.5	Graf Jumlah Bilangan Adik Beradik	35
4.6	Graf Jumlah Bilangan Tempat Tinggal Responden	36
4.7	Graf Jumlah Bilangan Kedudukan Responden Di Dalam Keluarga	38
4.8	Graf Jumlah Bilangan Pendidikan Ibu Responden	39
4.9	Graf Jumlah Bilangan Pendidikan Bapa Responden	42



4.10	Graf Jumlah Bilangan Sektor Pekerjaan Ibu	43
4.11	Graf Jumlah Sektor Pekerjaan Bapa	45
4.12	Graf Jumlah Bilangan Pendapatan Ibu Bapa	46
4.13a	Graf Faktor Pengaruh Motivasi Ekstrinsik Ke Atas Responden	49
4.13b	Graf Faktor Pengaruh Motivasi Ekstrinsik Ke Atas Responden	50



SENARAI LAMPIRAN

NO JADUAL	TAJUK	MUKA SURAT
1	Syarat Kemasukan Ke KUiTTHO	69
2	Jadual Penentuan Bilangan Sampel Kajian	76
3	Set Borang Soal Selidik	77
4	Data Analisis Setiap Item Soal Selidik	85
5	Data Analisis Soal Selidik Kajian Mengikut Kelayakan Akademik Responden	100



PTTA UTHM
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

BAB I

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Motivasi amat penting dalam kehidupan kerana ianya bertindak sebagai penggerak fikiran, hati dan seluruh anggota badan seseorang individu untuk melakukan pekerjaan, tugas, tanggungjawab atau apa sahaja yang ingin dilakukan. Menurut Kamus Dewan (1998), motivasi merupakan keinginan yang keras atau semangat yang kuat pada diri seseorang yang mendorongnya untuk berusaha atau melakukan sesuatu dengan tujuan untuk mencapai kejayaan. Manakala menurut Prof. Madya Dr. Saedah Siraj (1994), motivasi boleh diertikan sebagai penggerak atau pendorong kepada kehidupan. Ia boleh timbul dari pelbagai unsur seperti keimanan dan ketaqwaan seseorang individu, kasih sayang ibu bapa serta keupayaan untuk memilih unsur positif di dalam kehidupan.

Motivasi menerangkan tentang bagaimana manusia berhadapan dengan sesuatu keadaan. Ia merangkumi bagaimana manusia berminat tentang sesuatu perkara dan bertindak dengan kehendak diri terhadap perkara tersebut. Motivasi juga boleh mempengaruhi tingkah laku dan karektor pelajar. Memotivasikan pelajar di dalam

proses pengajaran dan pembelajaran amat mencabar bagi kerjaya seorang pendidik kerana ia memerlukan kemahiran. Memotivasikan pelajar juga bermaksud memujuk mereka untuk berminat dan mahu melakukan apa sahaja yang berkaitan dalam aspek pembelajaran sama ada berkaitan dalam panduan belajar, tuntutan melakukan tugas yang diberi dan sentiasa bertanya dengan soalan yang baik semasa pendidik melakukan perbincangan di dalam kelas. Ini bermakna pendidik telah memberi semangat kepada pelajar untuk melakukan sesuatu perkara dengan keikhlasan sendiri tanpa paksaan seperti tuntutan markah atau gred.

Oleh itu, dapatlah kita membayangkan bahawa betapa pentingnya motivasi kepada seseorang pelajar dalam usahanya untuk menggerakkan seluruh anggota jiwa dan raganya ke arah pencapaian akademik yang memberangsangkan. Ini kerana, biarpun seseorang pelajar tersebut sudah lengkap dari segi material akademiknya, tetapi jika jiwa sanubari mereka tidak disuntik dengan semangat motivasi, para pelajar ini tidak akan mempunyai matlamat dan wawasan yang tinggi.

Motivasi terbahagi kepada dua unsur utama iaitu motivasi intrinsik (dalaman) dan motivasi ekstrinsik (luaran). Motivasi intrinsik hanya melibatkan proses dalaman yang mana kepuasan diri adalah ganjaran yang ingin dicapai oleh pelajar dari aktiviti yang dijalankan. Pelajar tidak memerlukan ganjaran luar kerana aktiviti tersebut telah memberi ganjaran kepada mereka. Menurut Deci & Ryan (Woolfolk, 1995), motivasi intrinsik adalah kecenderungan semulajadi untuk mencapai keperluan individu dengan berusaha melalui keupayaan diri di mana dalam melaksanakannya seseorang akan menempuhi pelbagai cabaran. Manakala menurut Rothstein (1990), motivasi ekstrinsik terhasil daripada sumber luaran dan kewujudannya bukan dari dalam diri individu. Persaingan untuk mendapat gred yang baik, memperolehi pujian dan ganjaran guru ataupun mengelakkan hukuman guru adalah merupakan sebahagian daripada faktor yang mendorong pelajar untuk melakukan sesuatu tingkah laku bersifat ekstrinsik. Motivasi ekstrinsik seseorang pelajar boleh dipertingkatkan melalui pelbagai kaedah. Di antaranya pensyarah mempelbagaikan kaedah pengajaran, menyesuaikan tugas yang diberi mengikut kemampuan pelajar serta menetapkan objektif pengajaran yang selari

dengan kefahaman pelajar. Di samping itu, keluarga seharusnya memberi dorongan dan menanamkan sikap cintakan ilmu sejak kecil lagi. Pengaruh rakan sebaya dan kemudahan infrastruktur turut membantu memotivasikan seseorang pelajar. Dalam kajian ini, hanya motivasi ekstrinsik sahaja yang akan dibincangkan.

1.2 Latar Belakang Masalah

Semua institusi pendidikan mempunyai cara pembelajaran dan pengajaran yang berbeza termasuklah Politeknik dan Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn (KUiTTHO). Cara pembelajaran dan pengajaran ini akan mempengaruhi motivasi seseorang pelajar seterusnya akademik pelajar itu sendiri. Ini kerana jika kaedah pengajaran yang sama akan membuatkan pelajar kurang bermotivasi untuk mendengar pengajaran yang dilakukan oleh pensyarah seterusnya pelajar tidak akan membuat pembelajaran kerana pelajar tersebut tidak lagi mempunyai minat terhadap mata pelajaran tersebut.

Selain itu juga suasana persekitaran di sesuatu tempat pengajian juga akan mempengaruhi motivasi pelajar untuk melakukan pembelajaran. Persekitaran yang tenang akan mewujudkan motivasi kepada pelajar untuk belajar dengan lebih cemerlang.



1.2.1 Syarat Kemasukan Jabatan Kejuruteraan Awam KUiTTHO

Pelajar lepasan Politeknik Kementerian Pendidikan Malaysia dan lepasan Sijil Pelajaran Malaysia yang memasuki KUiTTHO mestilah mengikut syarat-syarat yang telah ditetapkan. (Rujuk Lampiran 1)

1.2.2 Sebab-Sebab Masalah Timbul

Kecemerlangan akademik seseorang pelajar bukan sahaja dipengaruhi oleh motivasi dalaman pelajar itu sendiri, tetapi disebabkan faktor-faktor seperti berikut :

- i. Perubahan suasana persekitaran pembelajaran
- ii. Tidak mendapat dorongan belajar dari kedua ibu bapa dan keluarga terdekat.
- iii. Masalah pergaulan dengan rakan sebaya.
- iv. Tidak dapat menerima cara pengajaran yang disampaikan oleh pensyarah.
- v. Masalah kewangan.

1.2.3 Sebab-Sebab Kajian Dibuat

Kajian motivasi ekstrinsik yang akan dijalankan adalah bertujuan supaya pihak yang terlibat secara langsung dengan pelajar dapat mengetahui tahap motivasi seseorang pelajar seterusnya mencari jalan penyelesaian untuk mengatasi masalah ini kerana motivasi ini akan mempengaruhi kecemerlangan akademik seseorang pelajar.

1.3 **Penyataan Masalah**

Kajian ini akan meninjau sama ada motivasi ekstrinsik seperti pengaruh keluarga, pensyarah, rakan sebaya, dan kemudahan infrastruktur di dalam kampus KUiTTHO akan mempengaruhi kecemerlangan seseorang pelajar.

Selain itu juga kajian ini akan dijalankan ke atas pelajar KUiTTHO iaitu pelajar lepasan sijil politeknik dan pelajar lepasan diploma politeknik. Ini bertujuan untuk mengetahui tahap motivasi dua kumpulan tersebut kerana pelajar lepasan sijil hanya mengambil kursus selama dua tahun sahaja di politeknik berbanding dengan pelajar lepasan diploma iaitu selama tiga tahun.

1.4 **Objektif Kajian**

Objektif kajian ini adalah bertujuan untuk mengkaji serta meninjau perkaitan di antara motivasi ekstrinsik dengan kecemerlangan pelajar melalui beberapa faktor iaitu :

- i. Dorongan yang diberikan oleh keluarga.
- ii. Cara penyampaian dan komunikasi pensyarah di dalam bilik kuliah.
- iii. Pengaruh rakan sebaya.
- iv. Kemudahan infrastruktur di dalam kampus KUiTTHO.

Selain itu juga untuk mengenal pasti tahap motivasi di antara dua kumpulan pelajar iaitu pelajar lepasan sijil politeknik dan pelajar lepasan diploma politeknik. Diharap melalui kajian ini, ia dapat memberi gambaran kasar amnya kepada pihak pentadbiran dan khususnya kepada pensyarah Jabatan Kejuruteraan Awam dalam

mengenalpasti punca kemerosotan akademik pelajar. Selain itu juga sebagai garis panduan supaya ia dapat memperkemaskan kurikulum yang sedia ada.

1.5 Persoalan Kajian

Persolan kajian yang dibuat adalah untuk mendapat jawapan melalui soal selidik yang berbentuk soalan. Di antara soalan-soalan yang dikemukakan dalam kajian ini adalah seperti berikut :

- i. Adakah dorongan keluarga membantu dalam kecemerlangan akademik seseorang pelajar?
- ii. Adakah jumlah pendapatan ibu bapa mempengaruhi kecemerlangan akademik pelajar?
- iii. Adakah latar belakang pendidikan ibu bapa mempengaruhi kecemerlangan pelajar?
- iv. Adakah pensyarah mampu memotivasikan pelajar bagi meningkatkan tahap kecemerlangan akademik?
- v. Adakah cara pengajaran pensyarah dapat meningkatkan tahap kecemerlangan akademik pelajar?
- vi. Adakah rakan sebaya dapat membantu dalam kecemerlangan akademik?
- vii. Adakah kemudahan infrastruktur di dalam kampus KUiTTTHO dapat membantu dalam kecemerlangan akademik?
- viii. Adakah kemudahan di dalam bilik kuliah dapat memotivasi pelajar dalam mempertingkatkan kecemerlangan pelajar?

1.6 Skop Kajian

Skop kajian yang akan dijalankan adalah dengan mengumpul data dari responden yang terdiri dari dua kumpulan pelajar tahun tiga dan pelajar tahun empat KUiTTHO iaitu pelajar lepasan sijil dan diploma politeknik di mana kedua-dua kumpulan pelajar merupakan pelajar Jabatan Kejuruteraan Awam Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn (KUiTTHO). Mengikut data dari Pusat Pengurusan Akademik KUiTTHO (PPA), jumlah Jabatan Kejuruteraan Awam adalah seperti di dalam jadual di bawah.

Jadual 1.1 : Jumlah Pelajar Jabatan Kejuruteraan Awam KUiTTHO

Kelayakan	Tahun 3	Tahun 4	Jumlah
Sijil	25	62	87
Diploma	29	9	38
Jumlah	54	71	125

Jadual 1.1 menunjukkan jumlah pelajar lepasan sijil adalah 87 orang dan pelajar lepasan diploma adalah 38 orang. Menurut Kiejie.R. V & Morgan D.W (1981), jika

- i. Populasi sampel (N) adalah 90 maka sampel (S) yang perlu diambil adalah 73
- ii. Populasi sampel (N) adalah 40 maka sampel (S) yang perlu diambil adalah 36 (Rujuk lampiran 2).

Walaubagaimanapun kajian telah dijalankan ke atas semua sampel iaitu 87 orang bagi pelajar lepasan sijil politeknik dan 38 orang bagi pelajar lepasan diploma politeknik.

1.7 Definisi Istilah

i. Dorongan

Dorongan bermaksud sorongan, tolakan dan asakan. Dalam kajian ini, dorongan merupakan semangat yang diberikan kepada seseorang pelajar untuk meningkatkan kecemerlangan akademik.

ii. Keluarga

Menurut Wolfendale (1992), keluarga adalah seseorang atau beberapa individu yang mengambil berat atau mendapat hak penjagaan atau mengawal atau merasa bimbang ke atas kanak-kanak.

iii. Pengaruh.

Pengaruh bermaksud kebolehan yang dapat mengubah perangai (kepercayaan atau lain-lain) orang. Dalam kajian ini, ia merujuk kepada sikap pensyarah, rakan sebaya, media massa yang mempengaruhi motivasi ekstrinsik pelajar.

iv. Rakan Sebaya

Rakan adalah sahabat atau teman sama ada sekelas, sepermainan rakan sekerja atau pun kawan dalam sebuah perkongsian.

v. Kemudahan Infrastruktur

Kemudahan infrastruktur ini merangkumi suasana persekitaran di dalam Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn. Ini kerana kemudahan yang terdapat di dalam kampus yang boleh mempengaruhi motivasi ekstrinsik pelajar.



PTTA UTHM
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

BAB II

SOROTAN PENULISAN

2.1 Pendahuluan

Motivasi merupakan penggerak yang melibatkan proses membangkit, mengekal dan mengawal minat (Bernard, 1956). Ia melibatkan hala dan keberkesanan sesuatu pembelajaran. Dalam sesuatu pengajaran dan pembelajaran, motivasi membolehkan pelajar melibatkan diri secara aktif di samping menjadikan proses pembelajaran itu bermakna, berfaedah dan menyeronokkan.

Motivasi merupakan kembar siam kepada proses pendidikan dan sahabat setia orang-orang yang cemerlang dan berprestasi tinggi, ini kerana ia bertindak sebagai api yang membakar semangat juang setiap individu. Selain itu ia merupakan asas kepada pengajaran dan pembelajaran. Oleh itu amat penting bagi semua pihak yang berkaitan dengan pelajar membantu menggarap usaha kepada pembentukan motivasi pelajar.

2.2 Teori Motivasi

Menurut Brophy (1987), motivasi untuk belajar merupakan suatu tingkah laku, sikap atau kecenderungan yang berterusan dalam usaha mendapatkan ilmu pengetahuan dan kemahiran melalui situasi pembelajaran. Ahli psikologi daripada pelbagai aliran telah mengemukakan beberapa teori tentang motivasi. Di antaranya ialah Teori Pembelajaran Sosial, Teori Pelaziman Operan, Teori Pelaziman Klasik, Teori Motivasi Pencapaian dan sebagainya.

2.2.1 Teori Pembelajaran Sosial

Teori ini diutarakan oleh seorang ahli psikologi dari aliran Behaviorisme bernama Albert Bandura. Menurut Bandura (1977), manusia adalah individu yang berkemampuan untuk berfikir dan memilih haluan sendiri. Teori ini menyarankan pembelajaran mestilah berlaku melalui proses pemodelan atau mengajar dengan menggunakan contoh. Dengan cara ini, pelajar akan memerhati dan meniru contoh yang ditunjukkan.

Pembelajaran juga mesti berlaku secara sistematik di mana pelajar akan memikir secara mendalam untuk menilai sesuatu perkara. Menurut Bandura, peniruan hanya berlaku jika terdapat perkara-perkara seperti :

- i. Pemerhatian yang diteliti diberikan kepada gerak balas yang hendak dicontohi dengan menggunakan penglihatan, pendengaran, deria rasa atau sentuhan.
- ii. Hasil pemerhatian disimpan di dalam ingatan.

- iii. Gerak balas yang ditunjukkan adalah berdasarkan kepada apa yang dirasa atau didengar.
- iv. Ganjaran diberikan bagi meneguhkan gerak balas tersebut.

Secara keseluruhannya, teori ini lebih menekankan kepada teknik pengajaran dan pembelajaran yang berkesan bagi meningkatkan motivasi para pelajar. Dalam hal ini, peranan pendidik adalah penting di mana mereka perlu menjadi model yang terbaik untuk dicontohi oleh pelajar baik dari segi pakaian, tingkah laku, bahasa pertuturan dan sebagainya.

2.2.2 Teori Pelaziman Operan

Teori Pelaziman Operan ini dikemukakan oleh B.F. Skinner pada tahun 1968. Beliau mengatakan tingkah laku yang disengajakan boleh dibentuk atau dilentur ke suatu arah tertentu melalui pelaziman. Walau bagaimanapun, wujud beberapa situasi yang berkaitan dengan pencapaian dan untuk mengelakkan kegagalan yang terhasil dari tiga faktor di atas iaitu :

- i. Dorongan untuk mengelakkan kegagalan.
- ii. Kebarangkalian untuk gagal.
- iii. Nilai insentif untuk gagal.

Skinner berpendapat kebanyakan tingkah laku manusia dikuasai oleh ganjaran yang diterima apabila melakukannya. Sesuatu gerak balas hanya akan berulang jika wujudnya ganjaran atau dikenali sebagai Peneguhan Positif manakala apabila tingkah laku yang menghasilkan gerak balas yang tidak menyenangkan dikenali sebagai Peneguhan Negatif. Di antara teori Skinner dalam proses pengajaran dan pembelajaran adalah seperti :

- i. Guru hendaklah menggunakan peneguhan untuk mengukuhkan tingkah laku yang diinginkan.
- ii. Peneguhan positif hendaklah dilakukan dengan tekal dan tetap bagi menjamin berulangnya tingkah laku yang diinginkan.
- iii. Objektif pendidikan yang ingin dicapai mestilah betul dan sesuai. Ini untuk mengelakkan pelajar mengalami kegagalan dan malu yang akan menyebabkan berlakunya peneguhan negatif.
- iv. Tingkah laku yang tidak diinginkan boleh dikikis melalui proses penghapusan.
- v. Pengajaran dan pembelajaran sesuatu yang sukar dan rumit boleh dibuat secara berperingkat.
- vi. Pelajar perlu diajar supaya dapat mengasingkan di antara perkara yang penting dan kurang penting untuk memudahkan penumpuan semasa pembelajaran.

Selain Skinner, Atkinson dan Litwin (1960) juga mengemukakan teori yang boleh digunakan dalam proses pengajaran dan pembelajaran seperti :

- i. Guru boleh meningkatkan motivasi para pelajar dengan memberi kritikan yang membina dan mengurangkan alasan takut mengalami kegagalan.
- ii. Membantu pelajar mencapai matlamat pendidikan yang betul dan mencabar.

2.2.3 Teori Pelaziman Klasik

Menurut Pavlov (1927), pembelajaran berlaku secara pelaziman Beliau telah membuat andaian bahawa seekor anjing telah membuat perkaitan antara bunyi loceng dengan makanan yang diberi sehingga satu tahap apabila loceng dibunyikan, anjing menduga bahawa makanan akan diberi kepadanya menyebabkan air liurnya terkeluar.

Pembelajaran yang berlaku akibat perkaitan antara rangsangan dan gerak balas ini dinamakan sebagai Pelaziman Klasik.

Proses penghapusan akan berlaku apabila makanan tidak diberikan walaupun loceng telah dibunyikan. Ini akan menjadikan air liur anjing berkenaan semakin berkurangan sehingga tidak dikeluarkan sama sekali. Pembelajaran semula akan berlaku apabila makanan dan bunyi loceng diadakan semula serta air liur anjing berkenaan mula keluar semula.

Di antara kegunaan teori Pavlov dalam proses pengajaran dan pembelajaran adalah seperti berikut :

- i. Kaitan rangsangan dan gerak balas boleh dilazimkan atau dipelajari.
- ii. Kaitan antara rangsangan dan gerak balas dapat dikukuhkan melalui latihan kerana pembelajaran boleh berlaku melalui latihan.
- iii. Motivasi memainkan peranan penting dalam pembelajaran di mana guru boleh memotivasikan pelajar dengan menggunakan kaedah pengajaran yang menarik.

Menurut Jerome S. Bruner (1971), pengajaran harus merangkumi ciri-ciri seperti

- i. Persekitaran untuk belajar
Pengajaran hendaklah berkaitan dengan pengalaman dan konteks pelajar supaya pelajar merasa ingin belajar.
- ii. Struktur Pengetahuan
Satu kelompok pengetahuan hendaklah dibahagikan mengikut susunan supaya pelajar dapat mempelajarinya dengan mudah dan cepat.
- iii. Turutan
Bahan pengajaran hendaklah disusun mengikut turutan yang cekap untuk disampaikan dalam proses pengajaran.

iv. Peneguhan

Jenis pengajaran hendaklah diubah daripada ekstrinsik kepada instrinsik.

2.2.4 Teori Motivasi Pencapaian

Teori ini telah dikemukakan oleh ahli psikologi dari aliran kognitif iaitu Atkinson pada tahun 1964. Menurutnya, kecenderungan seseorang individu untuk mencapai sesuatu matlamat, adalah terhasil dari tiga faktor utama iaitu :

- i. Keperluan untuk pencapaian atau motivasi untuk berjaya.
- ii. Kebarangkalian untuk berjaya.
- iii. Nilai insentif untuk berjaya.

Motivasi untuk berjaya dianggap sebagai keupayaan bagi pengalaman yang memuaskan dalam pencapaian sesuatu matlamat. Manakala dorongan untuk mengelakkan kegagalan pula dianggap sebagai keupayaan bagi pengalaman yang memalukan. Hasil daripada teori ini, didapati ketuhan motivasi seseorang individu ditentukan oleh kekuatan relatif dari kecenderungan kerja dan untuk mengelakkan kegagalan. Dengan demikian, seseorang dikatakan berada dalam tahap motivasi yang tinggi bila motivasi untuk berjaya melebihi dorongan untuk mengelakkan kegagalan.

Menurut Atkinson dan Litwin (1960), seseorang individu yang mempunyai tahap motivasi yang tinggi lebih suka memilih kerja atau tugas yang lebih susah berbanding dengan mereka yang bermotivasi rendah. Weiner (1972) merumuskan bahawa kesan dari kejayaan atau kegagalan akan mempengaruhi motivasi seseorang di mana :

- i. Tahap motivasi seseorang individu yang bermotivasi tinggi akan semakin meningkat setelah mengalami kegagalan.

- ii. Tahap motivasi seseorang individu yang bermotivasi rendah akan semakin rendah setelah mengalami kegagalan.
- iii. Bagi mereka yang bermotivasi tinggi, tahap motivasi mereka menjadi semakin kurang setelah menemui kejayaan.
- iv. Bagi mereka yang bermotivasi rendah, tahap motivasi mereka meningkat setelah memperolehi kejayaan.

Daripada teori ini juga, dapatlah dikatakan bahawa kesukaran dalam tugas akan mempengaruhi motivasi seseorang pelajar seterusnya akibat terlalu kerap menghadapi masalah di dalam bili kuliah akan mengurangkan tahap motivasi seseorang pelajar.

2.3 Motivasi Ekstrinsik

Motivasi ini merupakan motivasi yang wujud akibat daripada dorongan luar. Contoh-contoh faktor yang mendorong berlaku motivasi ini adalah seperti keluarga, pensyarah, rakan sebaya dan kemudahan infrastruktur.

2.3.1 Keluarga

Latar belakang setiap pelajar adalah berbeza setiap orang. Menurut Ausubel (1969), terdapat tiga unsur yang boleh membezakan pelajar dari segi kemudahan pembelajaran, kemampuan membeli barang pembelajaran dan dorongan atau motivasi

dalam pembelajaran iaitu taraf pendidikan, jenis pekerjaan dan pendapatan ibu bapa atau penjaga.

Ibu bapa memainkan peranan yang penting untuk mewujudkan perhubungan yang harmonis di kalangan ahli keluarganya. Menurut Habibah Elias (1997), ibu bapa hendaklah menunjukkan bahawa mereka mengambil berat dan memberi kasih sayang yang sepenuhnya kepada anak-anak mereka. Ini dapat membantu anak-anak supaya merasa lebih positif terhadap diri mereka sendiri.

Menurut Hunter dan Youniss (1982), kanak-kanak didapati begitu rapat dengan ibu bapa dan mereka begitu menyanjung tinggi ibu bapa mereka. Mereka telah menyatakan bahawa ibu bapa mereka mengetahui perasaan mereka, selalu berbincang dengan mereka dan melakukan aktiviti bersama mereka. Selain itu juga ibu bapa dianggap penting dalam kehidupan kanak-kanak kerana ibu bapa banyak membantu menyelesaikan masalah dan membuat sesuatu kerja untuk mereka.

2.3.2 Pensyarah

Kamus Dewan (1998), mentakrifkan pensyarah merupakan orang yang memberikan syarahan atau kuliah di universiti. Di sini pensyarah merupakan orang yang penting yang harus ditemui oleh pelajar semasa belajar di universiti. Setiap pensyarah mestilah mempunyai kemahiran untuk berhubung, pengurus, pembimbing dan sebagainya untuk menarik minat pelajar terhadap pengajarannya. Menurut Ee Ah Meng (1995), setiap pensyarah perlu mewujudkan suasana yang penuh kemesraan dan kasih sayang di dalam bilik darjah. Seseorang guru yang cekap pengajarannya tetapi tidak berupaya menunjukkan kemesraan dan kasih sayang tidak dapat memenangi hati pelajarannya.

Pensyarah juga dijadikan sebagai model atau ikutan kepada pelajar menerusi sifat-sifat spiritual seperti ikhlas, jujur, sabar dan sebagainya. Menurut Abdul Halim al-

Muhammadi (1991), menyatakan bahawa sebagai pendidik, guru memerlukan sikap kehidupan dan pembawaan yang jelas. Menurut Ee Ah Meng (1995), taraf pendidikan guru di sesebuah sekolah juga boleh mempengaruhi perkembangan pelajar dari segi pelbagai segi, terutamanya keupayaan akademik.

2.3.3 Rakan Sebaya

Rakan sebaya ialah mereka yang tergolong dalam kumpulan yang sama dan mempunyai persamaan dari segi minat, nilai dan aktiviti yang dilakukan. Menurut Asmady Idris (2000), pengaruh rakan sebaya begitu ketara di peringkat remaja sehingga ibu bapa sendiri ditolak untuk dijadikan model bagi mereka menentukan identiti mereka. Rakan sebaya boleh mempengaruhi remaja dari segi nilai dan sikap lebih daripada ibu bapa, sekolah, institusi agama dan kumpulan sosial yang lain. Menurut Erikson (1963), rakan sebaya mempunyai pengaruh yang penting terutama di peringkat akhir kanak-kanak dan remaja.

Menurut Asmady Idris (2000), pelbagai bentuk pembelajaran boleh didapati daripada rakan sebaya. Walaupun kumpulan ini tidak mempunyai kuasa tradisional seperti yang ada keluarga atau kuasa undang-undang, ia berupaya menyampaikan bahan pembelajaran yang banyak kepada ahli-ahlinya. Menurut beliau juga pelbagai perkara yang positif boleh dipelajari menerusi rakan sebaya seperti berbincang mengenai tugas yang diberikan dan bekerjasama melalui sesuatu aktiviti. Mereka juga boleh berkongsi maklumat tentang berbagai-bagai perkara seperti fesyen, perkhemahan dan muzik.

2.3.4 Persekitaran

Pengaruh persekitaran juga boleh mempengaruhi proses pembelajaran termasuklah kemudahan infrastruktur yang disediakan untuk pelajar, cara pembelajaran dan kehidupan di dalam kampus. Menurut Dr. Hassan Hj Mohd Ali (1994), keluarga yang mampu menyediakan kemudahan fizikal yang mencukupi dapat membantu dalam proses pembelajaran anak mereka untuk berjaya. Berdasarkan teori Moslow, Ea Ah Meng (1995), jika keperluan asas tidak dipenuhi maka pelajar tidak akan mempunyai motivasi untuk belajar.

Setiap individu mempunyai teknik pembelajaran yang tersendiri ketika belajar seperti pelajar yang mendengar muzik semasa mengulangkaji pelajaran ataupun pelajar yang belajar dalam kumpulan.

Menurut Trigwell & Prosser (1991), teknik belajar yang dilakukan dalam proses pembelajaran akan menentukan kualiti pembelajaran yang dihasilkan. Pensyarah juga memainkan peranan yang penting sebagai faktor penggerak untuk pelajar bermotivasi terhadap pelajarannya. Jika dorongan dan ganjaran adalah tinggi, proses pembelajaran akan menjadi lebih berkesan.

Kajian yang dilakukan oleh Absah dan Nor Aziah (1998) mengatakan faktor persekitaran juga menunjukkan bahawa suasana persekitaran disebabkan kebisingan yang dilakukan oleh rakan sebaya mengganggu konsentrasi pembelajaran pelajar yang lain. Pelajar sememangnya memerlukan suasana yang selesa serta tenteram ketika proses pembacaan dan pembelajaran. Ini adalah menambahkan keberkesanan pembelajaran untuk mencapai keputusan yang cemerlang.

BAB III

METODOLOGI KAJIAN

3.1 Pendahuluan

Bab ini hanya memberi penumpuan kepada perkara-perkara yang berkaitan dengan sampel kajian, instrumen kajian, pengumpulan dan pengelolaan data, kaedah penyelidikan dan kaedah penganalisisan. Hasil daripada maklumat yang diperolehi akan dianalisis di dalam bab yang seterusnya.

3.2 Sampel Kajian

Sampel kajian ini terdiri daripada dua kumpulan pelajar iaitu pelajar lepasan sijil politeknik dan pelajar lepasan diploma politeknik. Pemilihan sampel ini dilakukan ke



PT TAJA UTHM
PEPUSAT PERPUSTAKAAN DAN PENYELIDIKAN TUN AMINAH

atas seramai 87 orang dari kumpulan pelajar lepasan sijil politeknik dan 38 orang dari kumpulan pelajar lepasan diploma politeknik.

3.3 Instrumen Kajian

Instrumen yang digunakan di dalam kajian ini berupa borang soal selidik (Rujuk lampiran 3) yang telah diambil dan diubahsuai. Soal selidik yang akan dikemukakan kepada pelajar adalah menggunakan Bahasa Melayu dan ianya mudah difahami. Menurut A.Parasuraman (1999), terdapat lima fungsi kajian soal selidik yang dilakukan ke atas responden iaitu :

- i. Memberi responden soalan yang terang.
- ii. Terdapat kerahsiaan terhadap keterangan responden.
- iii. Simulasi tindak balas melalui pemerhatian, rujukan, rekod dan saluran sistem memori.
- iv. Memberi arahan kepada apa yang dikehendaki dan tindak balas.
- v. Kenal pasti keperluan yang dikehendaki.

Borang soal selidik ini terbahagi kepada dua bahagian iaitu :

- A. Latar Belakang Responden & Ibu Bapa Responden
- B. Faktor-Faktor Yang Mempengaruhi Motivasi Ekstrinsik
 - Dorongan Keluarga
 - Pensyarah
 - Rakan Sebaya
 - Kemudahan Infrastruktur

Jenis soal selidik berskala likert akan digunakan pada bahagian B. Soalan ini mempunyai lima pilihan jawapan iaitu :

Jadual 2.1 : Pilihan Jawapan Responden

Pilihan Jawapan	Nombor
Sangat Tidak Setuju	1
Tidak Setuju	2
Tidak Pasti	3
Setuju	4
Sangat Setuju	5

Segala panduan dan arahan untuk menjawab soalan akan disertakan di muka hadapan setiap set soalan untuk memudahkan untuk memudahkan responden menjawabnya. Segala maklumat adalah rahsia. Ia disimpan sebagai bahan bukti untuk kajian ini sahaja.

3.4 Pengumpulan Dan Pengelolaan Data

Set soal selidik yang telah disediakan adalah sebanyak 130 set di mana set soal selidik ini akan diberikan kepada responden semasa di dalam bilik kuliah. Responden akan diberi tempoh 30 minit untuk menjawab soalan tersebut di mana responden dikehendaki menandakan skor yang dikehendaki. Objektif kajian ini boleh dicapai dengan menggunakan instrumen ini kerana kebarangkalian penyertaan adalah tinggi, cepat dan ianya tidak membebankan responden.

3.5 Kaedah Penyelidikan

Kaedah penyelidikan yang digunakan di dalam kajian ini adalah dengan menggunakan soal selidik bagi mendapat maklumat secara terus di kalangan responden kajian. Data-data yang diperolehi telah direkodkan dalam bentuk frekuensi dan peratusan di mana persembahan data dalam bentuk jadual dan carta bar. Langkah-langkah yang dibuat untuk mendapat kesahihan data adalah seperti :

- i. Masa yang diberikan kepada responden adalah 30 minit. Dengan ini jawapan yang akan diberikan tidak dipengaruhi oleh orang lain.
- ii. Data yang didapati diyakini tepat kerana soalan yang ditanya meliputi kajian .

3.6 Kaedah Penganalisan

Data yang diperolehi akan diolah dan dirumus untuk menjawab persoalan kajian di mana kesemua data di dalam kajian akan dikod dan dianalisis menggunakan pendekatan kuantitatif. Kesemua data akan dianalisis menggunakan perisian SPSS (Statistical Package For Sciences). Program ini dipilih kerana ia memudahkan penyelidik membuat penganalisan data. Dapatan data ini telah ditulis dalam bentuk huraian di dalam bab yang seterusnya.

BAB IV

ANALISIS DATA

4.1 Pendahuluan

Kajian yang telah dijalankan adalah menggunakan borang soal selidik. Soalan-soalan yang dikemukakan terbahagi kepada bahagian A dan bahagian B. Bahagian A terdiri daripada lapan soalan biodata responden kajian dan tiga soalan mengenai biodata ibu bapa responden. Manakala bahagian B terdiri daripada empat perkara mengenai faktor-faktor yang mempengaruhi motivasi ekstrinsik iaitu pengaruh dorongan keluarga, cara pengajaran pensyarah, pengaruh rakan sebaya dan kemudahan infrastruktur.

Responden dikehendaki memberikan jawapan pada bahagian A dengan membulatkan jawapan dan pada bahagian B berdasarkan skala likert yang ditetapkan. Soalan-soalan yang telah dikemukakan dalam borang soal selidik adalah seperti berikut :

BIBLIOGRAFI

Ee Ah Meng (1994), "Psikologi Dalam Bilik Darjah." Kuala Lumpur : Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd.

Hasan Hj. Mohd Ali (1996). "Checklist Keluarga Bahagia." Kuala Lumpur : Utusan Publication And Distributer Sdn. Bhd dan Akademik Keluarga Bahagian Malaysia (ABIM)

-----."Kamus Dewan (1995)." Kuala Lumpur : Dewan Bahasa Dan Pustaka

-----."Kamus Dewan (1998)." Kuala Lumpur : Dewan Bahasa Dan Pustaka

Krejcie, R. V & Morgan, D. W (1981), "Jadual Penetapan Sampel Kajian." San Diego California : Edit Publisher.

Lee, Shok Mee (1997). "Psikologi Pendidikan 2 : Teori Dan Aplikasi Psikologi Dalam Pengajaran Dan Pembelajaran." Kuala Lumpur : Kumpulan Budiman Sdn. Bhd.

Mohd Salleh Abu & Zaidatun Tasir (2001). "Pengenalan Kepada Analisis Data Berkomputer SPSS 10.0 For Windows." Kuala Lumpur : Cetakan Pertama Venton Publishing.

Padilah Haj Ali (1994). "Teknik Belajar Untuk Kejayaan." Kuala Lumpur : Cetakan



PTTA UTHM
PERPUSTAKAAN TUN AMINAH

Pertama Dewan Bahasa Dan Pustaka.

Paul Eggen & Don Kauchak (1994). "Educational Psychology." U.S : Macmillan College Publishing Company.

Prof Madya Dr Saedah Siraj (1994). "Motivasi Kendiri." Kuala Lumpur : Syarikat Al Muslimah.

Rahil Mahyuddin, Jami'ah Mohamad, Kasnani Ab. Karim (2000). "Psikologi Pendidikan II." Kuala Lumpur : Longman.

Thomas L. Good & Jere E. Brophy (1990). "Educational Pyschology." A Realistic Approach : Longman.



PTTA UTHM
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH